

Setiap kontena akan lalui mesin pengimbas berteknologi tinggi di Pelabuhan Klang.

(Foto hiasan NSTP)



Setiap kontena keluar, masuk negara akan diimbas

Pemeriksaan lebih ketat guna mesin keupayaan tinggi kekang aktiviti seludup barang terlarang

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Setiap kontena yang dibawa masuk atau keluar dari Malaysia melalui pemeriksaan 100 peratus menggunakan mesin pengimbas bermula 15 November 2023.

Bermula 1 Januari lalu, Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS), Kementerian Dalam Negeri (KDN) adalah agensi yang bertanggungjawab untuk melaksanakan pemeriksaan dan kawalan ke atas barang yang dibawa masuk dan keluar dari Malaysia, tetapi secara pentadbirannya dalam tempoh interim ini, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menjalankan pemeriksaan sehingga AKPS beroperasi sepenuhnya.

JKDM dalam kenyataan semalam, memaklumkan pihaknya mengimbas kira-kira 1.42 juta kontena import termasuk sisa elektrik dan elektronik (e-waste) di Pelabuhan Barat tahun lalu, sekali gus mencerminkan keupayaan jabatan itu melaksanakan pengimbasan 100 peratus terhadap kontena memasuki pelabuhan berkenaan.

Katanya, semua kontena diimbas menggunakan lima mesin pengimbas berkeupayaan tinggi

Mesin pengimbas tak cukup gagal saring puluhan ribu kontena sehari



Keratan akhbar BH 24 Februari lalu.

yang beroperasi di pelabuhan itu.

Selain itu pemeriksaan fizikal dilakukan ke atas kontena yang disyaki membawa barang terlarang berdasarkan imej imbasan yang bercanggah dengan deskripsi dagangan yang diikrar.

"Setiap laluan trafik kontena dilengkapi kamera litar tertutup (CCTV) bagi tujuan pemantauan berterusan oleh penyelia. Secara umum, dalam keadaan biasa, purata tempoh masa untuk mengimbas satu kontena adalah 30 saat dan ini membolehkan JKDM mengimbas 14,400 kontena sehari di Pelabuhan Barat dengan kapasiti lima mesin pengimbas.

"Bagaimanapun, dalam situasi tertentu, masa yang diperlukan untuk mengimbas boleh mencapai sehingga lima minit berdasarkan imej imbasan dan penilaian risiko kontena berkaitan berikutan proses semak silang perlu dilaksanakan antara borang ikrar kastam dan imej imbasan," katanya.

30,000 kontena sehari

Sementara itu, JKDM memberitahu, berdasarkan rekod dari pihak pengendali pelabuhan, keseluruhan 30,000 kontena dikenalal di pintu masuk negara setiap hari.

Katanya, tidak semua 30,000 kontena yang didaratkan setiap hari akan diimbas dengan tujuan

pelepasan pada hari yang sama. "Secara purata, berdasarkan semakan JKDM mendapati hanya 5,000 kontena sehari yang melalui mesin pengimbas bagi tujuan pelepasan import, manakala sebahagian besar kontena terbabit dengan aktiviti pindah kapal (transshipment) dan selebihnya berada di kontena yard sementara menunggu proses pengikraran selanjutnya oleh pengimport," katanya.

Menurut kenyataan itu, sebanyak 348 daripada 389 kontena yang diperiksa dalam Operasi Khas e-waste disahkan sebagai dagangan e-waste dan diserahkan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) dalam tempoh Ogos 2024 hingga Februari tahun ini.

Selain itu, terdapat juga kes pengimportan e-waste di pelabuhan Pulau Pinang membabitkan 26 kontena bagi tempoh Januari 2024 hingga Februari 2025.

"Semua kontena yang ditahan di pelabuhan telah diserahkan kepada JAS dan diarahkan untuk dieksport semula ke negara asal dengan kos penghantaran semula ditanggung oleh pengimport," menurut kenyataan itu.

Mengenai pengimportan senjata api, JKDM memaklumkan perkara itu tertakluk kepada Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2023 dan hanya dibenarkan jika pengimport memiliki lesen import yang dikeluarkan oleh Ketua Pegawai Polis mengikut Akta Senjata 1960 (Akt 206).

"Penemuan kes kelongsong peluru, anak peluru, sisa amunisi dan peluru hidup tidak boleh diiktirafkan sebagai senjata. Sekiranya terdapat keraguan terhadap kemasukan kontena mengandungi senjata api, pemeriksaan bersama pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan dilakukan

EKOSISTEM PROSES PELEPASAN KONTENA DI PELABUHAN KLANG

KETIBAAN

- Kapal akan berlabuh di pelabuhan sebaik sahaja tiba

OPERATOR

- Aktiviti pemunggahan kontena oleh pihak pengendali pelabuhan (Pelabuhan Utara, Pelabuhan Barat dan Pelabuhan Selatan)



IKRAR BORANG KASTAM

- Pegawai penaksir akan membuat taksiran berdasarkan pengikraran pengimport atau ejen kastam serta dokumen sokongan yang disertakan bersama Borang Kastam 1

IMBASAN

- Kontena yang telah selesai taksiran dan pembayaran duti/cukai akan melalui mesin pengimbas ke Kawasan Utama Kastam (KUK)

PEMERIKSAAN

- Kontena yang ditahan akan diperiksa bersama agensi berkaitan (Other Government Agencies - OGA)
- Sebagai contoh: Jabatan Alam Sekitar (JAS)/SIRIM

PINTU KELUAR



Infografik BH

dan barang terbabit akan diserahkan kepada PDRM untuk tindakan lanjut.

"Kelongsong peluru (bukan dalam keadaan asal), anak peluru (bukan dalam keadaan asal) dan sisa amunisi diklasifikasikan sebagai *copper scrap* dan pengimportannya adalah tertakluk kepada kelulusan pihak SIRIM," menurut kenyataan itu.

BH sebelum ini mendedahkan isu lambakan sisa elektronik atau e-waste haram dari luar negara yang dibongkar menerusi Op Hazard baru-baru ini, mencetuskan persoalan terhadap keberkesanan sistem pemeriksaan kandungan oleh pihak berkuasa terhadap semua kontena yang dibenarkan memasuki Malaysia.

Ini kerana, mengambil kira jumlah kontena memasuki negara yang mencecah puluhan ribu setiap hari, jumlah itu terlalu besar berbanding bilangan mesin pengimbas yang ketika ini ada di

pelabuhan seperti di Klang, Pulau Pinang dan Johor.

Kekangan mesin pengimbas ini memungkinkannya muatan kontena yang tiba di pelabuhan negara ini tidak dapat diperiksa secara menyeluruh, sekali gus mencetuskan risiko untuk pelbagai meragukan terlarang seperti e-waste yang biasanya diikrar secara salah, 'terlepas' masuk ke negara ini.

Sumber BH memaklumkan, ketika ini sebarang pelabuhan di negara ini hanya dilengkapi maksimum empat hingga lima mesin pengimbas kargo dan ekan kekangan itu, urusan pemeriksaan terhadap setiap kontena di pelabuhan berkenaan tidak boleh dilakukan satu per satu.

Maksudnya, bukan semua kontena di pelabuhan akan diperiksa, sebaliknya urusan dilakukan secara rawak membabitkan jumlah kecil bagi mengelak kesesakan.